

Minta rakyat terus pilih BN dalam pilihan raya akan datang

# Dr. M tidak bertanding

UM 14 SEP 2002

Oleh SOPHA SULAIMAN

**A**LOR SETAR 13 Sept. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyatakan bahawa beliau tidak akan bertanding lagi pada pilihan raya umum akan datang.

Penjelasan itu bermakna Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) tidak lagi akan mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu yang disandanginya sejak tahun 1974.

Beliau mengumumkan pendiriannya itu ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Mesra Rakyat di Padang Kolej Sultan Abdul Hamid di sini.

- **PM: Pindah pengundi perbuatan haram — Muka 2**
- **Kerajaan negeri suka kenakan syarat dibidas — Muka 4**

Perhimpunan yang dihadiri oleh kira-kira 30,000 orang ahli parti-parti komponen BN itu adalah bersempena Konvensyen BN Kedah 2002 yang berlangsung di Dewan Majlis Perbandaran Kota Setar, semalam.

Menurut Dr. Mahathir lagi, walaupun tidak akan bertanding lagi, beliau bertanggungjawab untuk membetulkan segala kesilapan dan pemikiran rakyat agar tidak dikelirukan oleh Pas.

Kata Perdana Menteri, beliau akan meminta rakyat terus memilih BN dan UMNO kerana UMNO sebenarnya berjuang untuk agama Islam.

“Janganlah kita membuat salah di dalam pilihan raya umum akan datang, kerana jika silap memilih, kita bukan sahaja menerima padah di dunia tetapi mungkin juga di akhirat jika beranggapan bahawa mengundi Pas itu adalah tiket untuk memasuki syurga,” tegasnya.

Kerajaan sekarang mempunyai mandat

■ **Lihat muka 4**

# Dr. Mahathir tidak bertanding

UM 14 SEP 2002

sehingga akhir tahun 2004.

Sementara itu semasa bercakap pada sidang akhbar di Bukit Kayu Hitam kemudian, Dr. Mahathir menjelaskan hasrat beliau untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang adalah kerana beliau mahu bersara dengan 'bersih'.

"Saya mahu bersara dengan bersih dan tidak terlibat dalam apa-apa pun selepas persaraan saya," katanya yang sebelum itu merasmikan Kilang Asian Composite Manufacturing Sdn. Bhd.

Dr. Mahathir berkata, beliau belum memaklumkan hasratnya itu kepada Majlis Tertinggi UMNO.

"(Anggota) Majlis Tertinggi adakalanya perlu mengundurkan diri. Saya tidak boleh terus di sini selamanya," katanya.

Perdana Menteri mengulangi kenyataannya di Alor Setar bahawa peranannya ialah untuk terus berkempen bersungguh-sungguh bagi BN di seluruh negara pada pilihan raya umum akan datang.

Pada Perhimpunan Agung UMNO lepas, Presiden UMNO itu mengejutkan rakyat seluruh negara apabila beliau mengumumkan untuk meletakkan semua jawatan dalam parti dan kerajaan.

Bagaimanapun pelbagai pihak mahu beliau meneruskan kepimpinannya.

Dr. Mahathir yang menjadi Perdana Menteri sejak 1982, akhirnya menyatakan beliau akan melepaskan semua jawatannya dalam kerajaan dan parti selepas Oktober 2003, setelah berakhirnya mesyuarat Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur.

Dr. Mahathir kemudian menamakan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai bakal pengganti beliau dalam kerajaan dan parti.

Pada Mei lepas, ketika menggulung perbahasan pada persidangan perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu yang diterajunya, Dr. Mahathir berkata, beliau tetap akan bertanding di kawasan Parlimen Kubang Pasu dan bukannya Putrajaya, jika menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang.

"Nampaknya semua nak saya bertanding di Kubang Pasu. Saya bagi jaminan kalau saya bertanding hanya di Kubang Pasu sajalah," katanya mengulas cadangan supaya beliau diberi penghormatan menjadi calon pertama BN di Putrajaya atas segala jasanya termasuk membangunkan pusat pentadbiran itu.

Ketika perbahasan berkenaan, ramai perwakilan meminta Dr. Mahathir terus kekal bertanding di Parlimen Kubang Pasu.